

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AAW 315 - Percukaian I

Masa : [ 3 jam ]

---

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan 1 adalah wajib.

---

Soalan 1 : (Wajib)

Kegiatan utama Biskut Sedap Sdn Bhd ialah pembuatan biskut dan pelaburan. Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 ialah seperti berikut:

	Nota	RM'000	RM'000
Jualan	1	5,500	
Tolak: Kos jualan	2	<u>3,300</u>	
Untung kasar			2,200
Tolak: Belanja operasi			
Gaji	3	950	
Penyelidikan dan pembangunan	4	80	
Pengangkutan dan insurans	5	240	
Faedah	6	200	
Yuran iktisas dan guaman	7	90	
Tambang cuti	8	120	
Kerugian petukaran wang asing	9	60	
Peruntukan hutang lapuk (niaga)	10	60	
Publisiti dan promosi	11	250	
Belanja am dan pentadbiran	12	<u>270</u>	<u>2,320</u>
			(120)
Campur: Pendapatan pelaburan	13	400	
Penghapusan Peruntukan untuk pengurangan nilai pelaburan	14	<u>50</u>	<u>450</u>
Untung sebelum cukai			330
			===

...2/-

Nota:

	RM'000
1. Jualan meliputi berikut:	
Jualan tempatan	3,850
Jualan eksport	<u>1,650</u>
	<u>5,500</u>
Jualan eksport menghasilkan untung kasar sebanyak RM350,000 sedangkan jualan tempatan sebanyak RM1,670,000	
2. Kos jualan meliputi berikut:	
Susutnilai aset tetap	220
Peruntukan stok usang	60
Premium insuran bayar di Malaysia kepada cawangan sebuah syarikat insuran luar negeri untuk mengimport bahan mentah	10
3. Gaji meliputi berikut:	
Elaun keraian untuk staf pemasaran	80
Elaun perjalanan untuk staf pemasran	60
Tambang cuti bagi pengarah	30
Upah untuk telefonis yang tidak berupaya	15
Peruntukan gratuiti	30
4. Penyelidikan dan pembangunan meliputi:	
Perbelanjaan projek penyelidikan yang diluluskan	55
Belanja pengujian produk dan kawalan kualiti	25
5. Pengangkutan dan insurans meliputi:	
Bayaran pengangkutan kepada syarikat perkapalan Malaysia untuk mengeksport barangan melalui kapal yang berdaftar di Malaysia	90
Premium insuran bayar kepada syarikat insurans Malaysia untuk barangan yang dieksport	20
Premium insuran kebakaran bagi bangunan kilang untuk tempoh 18 bulan yang berakhir 30 Jun, 1999	36
6. Faedah mewakili faedah ke atas pinjaman bernilai RM2 juta daripada sebuah bank asing di Malaysia pada 2 Januari 1998. 40% daripada pinjaman tersebut digunakan sebagai modal kerja Biskut Sedap Sdn Bhd dan baki digunakan untuk membiayai perolehan saham Tepung Bagus Sdn Bhd. Tiada bayaran prinsipal pinjaman dibuat dalam tahun 1999.	

Akauntan syarikat memaklumkan bahawa Biskut Sedap Sdn Bhd juga mempunyai  
suatu pelaburan dalam Bahan Naik Sdn Bhd yang telah diperolehi pada 1 Julai,1996  
dan dibiayai melalui dana syarikat sendiri.

7. Yuran iktisas dan guaman meliputi berikut:	RM'000
Yuran audit dan percukaian	20
Yuran guaman untuk menyediakan perjanjian pinjaman	10
Nasihat iktisas mengenai perolehan saham dalam Tepung Bagus Sdn Bhd	25
Penilaian tanah dan bangunan untuk tujuan pinjaman	5
Yuran guaman untuk memulihkan hutang lapuk	15
8. Perjalanan meliputi juga sewaan pajakan (leasing) sebanyak RM70,000 bagi pajakan lori yang digunakan.	
9. Kerugian pertukaran wang asing meliputi perkara berikut:	RM'000
Kerugian penukaran wang asing melalui baki penutup	
Akaun Pembekal Asing	82
Keuntungan penukaran wang asing melalui baki penutup	
Akaun Penghutang Asing	(22)
	<u>60</u>
10. Peruntukan hutang lapuk (niaga) meliputi:	
Peruntukan am hutang lapuk yang tidak lagi perlu	(10)
Peruntukan khusus untuk hutang lapuk	66
Hutang lapuk dihapuskirakan	<u>4</u>
	<u>60</u>
11. Publisiti dan promosi meliputi:	
Pengiklanan	120
Penyertaan dalam Pameran Dagangan Antarabangsa yang diluluskan di Kuala Lumpur untuk mempromosi produk syarikat di luar negara	48
Derma 10 kerusi beroda kepada badan kebajikan yang diluluskan	7
Makan malam bagi penganjur syarikat	35
12. Belanja am dan pentadbiran meliputi:	
Belanja makan tahunan staf	58
Pemberian produk syarikat untuk promosi	42
Belanja keatas penambahan modal berbayar syarikat dan modal yang diluluskan	10
13. Pendapatan pelaburan termasuk:	
Pendapatan dividen daripada Tepung Bagus Sdn Bhd (kasar)	380
Pendapatan faedah	24
Faedah keatas bayaran lambat kepada pembekal bahan mentah	<u>(4)</u>
	<u>400</u>
14. Penghapusan peruntukan untuk pengurangan nilai pelaburan adalah untuk pelaburan dalam Bahan Naik Sdn. Bhd.	

15. Makluman tambahan :

(i) Berikut adalah baki Akaun Peruntukan:	31 Disember	
	1998 RM'000	1997 RM'000
Peruntukan keatas stok yang usang	250	230
Peruntukan untuk gratuity	180	160
Peruntukan hutang lapuk (niaga)		
- Khusus	200	140
- Am	70	100

- (ii) Untuk Tahun Taksiran 1998 Biskut Sedap Sdn Bhd mempunyai kerugian cukai yang boleh hantar ke tahun hadapan sebanyak RM107,000 dan Elaun Modal yang boleh dihantar ke tahun depan sebanyak RM85,000. Tuntutan Elaun Modal bagi Tahun Taksiran 1999 ialah RM202,000.

Dikehendaki:

Bermula dengan untung sebelum cukai, kirakan pendapatan boleh dikenakan cukai bagi Biskut Sedap Sdn. Bhd. untuk Tahun Taksiran 1999.

[ 28 Markah ]

Soalan 2

- (a) Encik Robert adalah seorang akauntan di sebuah firma pengilangan di Pulau Pinang. Pada 1 Januari 1998, Encik Robert ditukar kepada pejabat cawangan di Kuala Lumpur. Untuk tahun berakhir 31 Disember 1998 beliau dibayar gaji bulanan sebanyak RM9,000 dan beliau membuat caruman sebanyak RM9,720 kepada KWSP (badan yang diluluskan) dalam tahun 1998.

Encik Robert berhak mendapat tiga bulan bonus yang akan dibayar kepadanya pada Januari 1999.

Pada dua bulan pertama di Kuala Lumpur, Encik Robert diperuntukkan kediaman di sebuah hotel dan untuk sepuluh bulan yang berikutnya di sebuah bangalo yang disewakan oleh majikannya. Sewa bagi bangalo yang tidak dilengkapi ialah RM4,000 sebulan. Majikannya melengkapkan bangalo tersebut dengan perabot, alat hawa dingin, langsir dan peralatan dapur.

Encik Robert diberikan sebuah kereta berharga RM68,000 dan beliau menggunakannya untuk kegunaan resmi dan persendirian.

Maklumat tambahan berikut diberi oleh Encik Robert:

- |                                      |          |
|--------------------------------------|----------|
| (i) Pendapatan dividen dari Malaysia |          |
| - Syarikat bukan bertaraf perintis   | RM 7,200 |
| - Syarikat bertaraf perintis         | RM 6,500 |

...5/-

- (ii) Kerugian sewa (dilaraskan) (RM3,000)
- (iii) Derma kepada badan yang diluluskan RM5,000 (Tunai RM2,000 dan barangan bernilai RM3,000)
- (iv) Encik Robert telah kahwin. Isterinya seorang suri rumah. Mereka mempunyai dua orang anak. Anak sulung beliau belajar di Universiti Sains Malaysia dan Encik Robert membelanjakan RM14,000 untuk meniarap kehidupannya. Anak bongsu beliau sedang belajar di College of Music di London mulai November 1998 dan Encik Robert telah membelanjakan RM5,000 untuk membiayai pengajiannya.

Garis panduan bagi manfaat adalah seperti berikut:

Kereta:

Kos kereta (yang baru)	Nilai setahun kegunaan kereta persendirian	Nilai minyak setahun
	RM	RM
Sehingga RM50,000	1,200	600
RM 50,001 – RM 75,000	2,400	900
RM 75,001 – RM100,000	3,600	1,200
RM100,001 – RM150,000	5,000	1,500
RM151,000 – RM200,000	7,000	1,800
RM200,001 – RM250,000	9,000	2,100
RM250,001 – RM350,000	15,000	2,400
RM350,001 – RM500,000	21,250	2,700
RM500,001 dan keatas	25,000	3,000

Kelengkapan rumah, alat-alat dan lain-lain:

- (i) Separuh lengkap dengan perabot di ruang tetamu, bilik makan atau bilik tidur RM 70 sebulan  
RM 840 setahun
- (ii) Separuh lengkap dengan perabot seperti dalam (i) di atas dan satu atau lebih kelengkapan berikut: alat pendingin udara, kain langsir dan permaidani RM 140 sebulan  
RM1,680 setahun
- (iii) Lengkap dengan manfaat seperti dalam (i) dan (ii) serta satu atau lebih perkakas dapur, pinggan mangkuk, peralatan dan perkakas RM 280 sebulan  
RM3,360 setahun

Dikehendaki:

Kirakan cukai yang kena dibayar oleh Encik Robert bagi Tahun Taksiran 1999.

- (b) Encik Maniam menduduki di rumah abangnya tanpa membayar sewa melalui satu pajakan sewa bertulis. Untuk Tahun Taksiran 1999 beliau membuat bayaran berikut terhadap rumah tersebut:

	RM
Cukai pintu	300
Cukai tanah	100
Insurans kebakaran (rumah)	200
Insurans kecurian (perabot)	100
Belanja kerja kebun	300
Belanja membaiki rumah	250

Nilai tahunan rumah tersebut ialah RM9,600

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan S.11 Encik Maniam bagi Tahun Taksiran 1999.

[ 18 Markah ]

Soalan 3

Mamura Sdn. Bhd. mengendalikan perniagaan pengilangan kasut di kilang yang disewa sehingga 31 Ogos 1998. Akaunnya disediakan sehingga 30 September setiap tahun. Pada June 1998 Mamura Sdn. Bhd. menyiapkan pembinaan kilang serta premis pejabat sendiri dan memulai operasi pengilangan di bangunan baru ini pada 1 September 1998. 12% ruang bangunan kilang diguna sebagai pejabat dan bilik pamiran. Butiran mengenai perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 September 1998 adalah seperti berikut:

	RM
(i) Tanah dan kilang	
Tanah	250,000
Bayaran guaman bagi:	
- pembelian tanah	1,900
- pembinaan bangunan	1,000
Bayaran perunding dan pelan bangunan	49,000
Duti setem bagi pembelian tanah	2,500
Kos pembinaan	<u>400,000</u>
	<u>704,400</u>

Jentera dan mesin di kilang	RM
Jentera dan mesin baru	120,000
Kos pemasangan jentera dan mesin baru	10,000

(i) Pejabat/Bilik pamiran:	
Peralatan pejabat	20,000
Perabot dan lekapan	8,000

...7/-

(ii) Kenderaan

Kereta (diperolehi dengan cara sewa beli pada 1 Februari 1996)

Harga tunai	108,000
Deposit	48,000
Pinjaman sewa beli	60,000
Amaun setiap bayaran ansuran bulanan (Jumlah 24 bayaran ansuran bulanan yang bermula pada Februari 1996)	2,850

Lori (diperolehi dengan tunai pada 1 Ogos 1998) 140,000

Kereta tersebut telah jual pada 26 September 1998 dengan harga RM98,000

Dikehendaki:

- (a) Kirakan Elaun Bangunan Perindustrian bagi Mamura Sdn. Bhd. untuk Tahun Taksiran 1999.
- (b) Kirakan semua Elaun Modal bagi Mamura Sdn. Bhd. tentang aset tetap untuk Tahun-tahun Taksiran sehingga 1999.

[ 18 Markah ]

Soalan 4

- (a) Encik Tom datang ke Malaysia pada 12 September 1995 dan memula pekerjaannya. Beliau meninggalkan Malaysia secara tetap pada 30 April 1998. Analisa beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

	Bilangan hari	
09-09-1995 – 31-12-1995	111	Di Malaysia
01-01-1996 – 31-05-1996	151	Di Malaysia
01-06-1996 – 15-06-1996	15	Di luar Malaysia untuk perniagaan
16-06-1996 – 03-07-1996	18	Di Malaysia
04-07-1996 – 20-12-1996	170	Di luar Malaysia untuk perniagaan
21-12-1996 – 29-12-1996	9	Di Malaysia
30-12-1996 – 31-12-1996	2	Di luar Malaysia untuk cuti
01-01-1997 – 31-05-1997	151	Di Malaysia
01-06-1997 – 30-06-1997	30	Di luar Malaysia untuk perniagaan
01-07-1997 – 31-07-1997	31	Di luar Malaysia untuk cuti
01-08-1998 – 31-12-1998	153	Di Malaysia
01-01-1998 – 30-04-1998	121	Di Malaysia

Dikehendaki:

Tentukan taraf pemastautinan Encik Tom untuk Tahun Taksiran 1996 hingga 1999.

...8/-

(b) Gunung Sdn Bhd. telah dikorporatkan pada 1 Julai 1996. Akaunnya disiapkan sehingga 30 Jun. Maklumat berikut diberikan untuk menyiapkan Akaun S. 108:

	RM
Pendapatan boleh dikenakan cukai bagi tahun berakhir 30 Jun 1997	1,000,000
Dividen kasar (akhir) pada 31 Julai 1997	1,000,000
Dividen kasar (pertengahan) pada 31 Disember 1997	2,000,000
Pendapatan boleh dikenakan cukai bagi tahun berakhir 30 Jun 1998	3,000,000
Dividen kasar (akhir) pada 10 Disember 1998	1,000,000

Dikehendaki:

Kirakan baki pada Akaun S.108 pada hujung tahun 1997 dan 1998

(c) Sukatukar Sdn Bhd telah dikorporatkan pada 1 Julai 1990. Ia memulakan perniagaan pembuatan alat elektik pada 1 Oktober 1990. Pada 1 Julai 1996, Sukatukar Sdn Bhd menjadi anak syarikat kepada Tetap Bhd yang menyediakan akaun tahunannya sehingga 28 Februari setiap tahun.

Semenjak dikorporatkan Akaun Sukatukar Sdn Bhd telah disediakan bagi tempoh-tempoh berikut:

	<u>Alasan menukar tarikh perakaunan</u>
1-7-1990 - 31- 8-1991	-
1-9-1991 - 31- 8-1992	-
1-9-1992 - 31- 8-1993	-
1-9-1993 - 31-12-1994	Sebab kelicinan pentadbiran
1-1-1995 - 31-12-1995	-
1-1-1996 - 28 - 2-1997	Supaya selaras dengan syarikat induk
1-3-1997 - 28 - 2-1998	Supaya selaras dengan syarikat induk

Dikendaki:

Tentukan tempoh asas bagi Sukatukar Sdn Bhd untuk Tahun Taksiran 1991 hingga 1999.

[ 18 Markah ]

### Soalan 5

(a) Syarikat Maya Bhd. membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM10,000 kepada salah seorang pekerjanya. Amaun tersebut akan dikontrakan dari bonusnya. Oleh kerana Maya Bhd mengalami kerugian tiada bonus dibayar bagi tahun berkenaan. Dengan itu, bayaran pendahuluan tersebut telah dihapuskirakan sebagai belanja oleh syarikat tersebut.

Dikehendaki:

Terangkan dengan jelas sama ada bayaran pendahuluan tersebut boleh ditolak sebagai belanja yang diluluskan atau tidak.

...9/-



- (b) Sebuah syarikat pengangkutan di Perak menyewa sebuah keretapi yang canggih dari Jepun untuk mengendalikan operasinya. Syarikat tersebut membayar RM3 juta setahun kepada syarikat pembekal di Jepun.

Dikehendaki:

Terangkan dengan jelas sama ada sewa yang dibayar kepada syarikat di Jepun dikenakan cukai pendapatan Malaysia atau tidak dan kadarnya jika dikenakan.

- (c) Encik Rahim bekerja dengan sebuah firma antarabangsa di Pulau Pinang. Kontrak pekerjaannya tamat pada 30 September 1998. Encik Rahim telah menerima gratuiti sebanyak RM36,000 apabila beliau berhenti berkerja.

Dikehendaki:

Jelaskan dengan jelas sama ada gratuiti tersebut dikenakan cukai atau tidak. Jika dikenakan cukai, nyatakan tahun atau tahun-tahun taksiran pendapatan gratuiti dikenakan cukai.

[ 18 Markah ]

### Soalan 6

Perniagaan perkongsian antara Malim dan Ikram telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1995. Akaun yang pertama bagi perkongsian ini telah dibuat ke tarikh 30 Jun 1996. Perjanjian perkongsian mengandungi syarat-syarat berikut :-

- |      |                            |        |                      |
|------|----------------------------|--------|----------------------|
| i)   | Gaji                       | -Malim | RM1,000.00 (sebulan) |
|      |                            | -Ikram | RM 800.00 (sebulan)  |
| ii)  | Faedah                     | -Malim | RM 960.00 (setahun)  |
|      |                            | -Ikram | RM 600.00 (setahun)  |
| iii) | Pembahagian Untung Rugi :- |        |                      |
|      |                            | -Malim | 1/3                  |
|      |                            | -Ikram | 2/3                  |

Oleh kerana berlaku perselisihan faham, Malim telah menarik diri daripada perkongsian itu pada 31 Disember 1996. Tempatnya diambil alih oleh Kadir. Akaun Perkongsian Ikram dan Kadir diteruskan hingga tarikh 30 Jun 1997 dan pada tahun berikut diubah ke 31 Disember 1998. Seterusnya akaun dibuat ke tarikh 31 Disember tiap-tiap tahun. Perjanjian perkongsian antara Ikram dan Kadir adalah seperti berikut:-

- |     |        |        |                     |
|-----|--------|--------|---------------------|
| i)  | Gaji   | -Ikram | RM 900.00 (sebulan) |
|     |        | -Kadir | RM 600.00 (sebulan) |
| ii) | Faedah | -Ikram | RM 700.00 (setahun) |
|     |        | -Kadir | RM 700.00 (setahun) |

...10/-

iii) Pembahagian untung dan rugi :-

-Ikram	1/2
-Kadir	1/2

Pendapatan Sementara Dilaraskan bagi perkongsian ini adalah seperti berikut:-

a.	Dari 1.8.1995 hingga 30.6.1996	RM 8,000.00
b.	Tahun berakhir pada 30.6.1997	RM18,000.00
c.	Dari 1.7.1997 hingga 31.12.1997	RM 9,000.00
d.	Tahun berakhir pada 31.12.1998	RM27,000.00

Dikehendaki :

Kirakan pendapatan berkanun daripada perkongsian tersebut bagi setiap rakan kongsi untuk Tahun Taksiran yang berkaitan sehingga Tahun Taksiran 1999

[ 18 Markah ]

Cukai Pendapatan Individu Yang Kena Dibayar

Kum. Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)
1 – 2,000	0% di atas yang pertama	0
2,001 – 5,000	1% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>25</u> 25
5,001 – 10,000	3% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>150</u> 175
10,001 – 20,000	5% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>500</u> 675
20,001 – 35,000	9% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>1,350</u> 2,025
35,001 – 50,000	15% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>2,250</u> 4,275
50,001 - 70,000	20% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>4,000</u> 8,275
70,001 - 100,000	25% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>7,500</u> 15,775
100,001 – 150,000	28% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>14,000</u> 29,775
Melebihi 150,001	29%	

---000000000---

